

Mangsa hakisan pantai ada 2 pilihan

Tujuh keluarga terlibat boleh pilih bina rumah baharu atau pindah ke Rumah Mampu Milik

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Kerajaan negeri menawarkan dua pilihan kepada tujuh keluarga yang terjejas akibat hakisan pantai di Kampung Tanjung Gelam setelah rumah yang diduduki sebelum ini dilihat tidak lagi selamat didiami.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, kesemua mangsa terlibat boleh membuat pilihan sama ada ingin memilih Rumah Mampu Milik (RMM) berserta tunai RM20,000 atau tanah berserta rumah bernilai RM40,000.

“Melihat akan keadaan hakisan selepas fenomena ombak besar dan angin kencang beberapa hari lalu, kita ambil keputusan untuk tawar dua pilihan kepada mangsa yang mengalami kerosakan teruk pada rumah mereka.

“Mangsa terlibat boleh buat pilihan untuk berpindah ke kawasan lain yang telah dikenal pasti dengan membina rumah baharu bernilai RM40,000 atau tawaran kedua iaitu RMM yang telah dibina di sekitar sini termasuk wang tunai RM20,000,”



Ahmad Kamal (kanan) memberi penerangan kepada wakil Majlis Keselamatan Negara.

katanya ketika mengadakan lawatan ke Pantai Tanjung Gelam yang terjejas teruk akibat fenomena ombak besar dan angin kencang, di sini, malam semalam.

Hadir sama, Pegawai

Pembangunan Parlimen Kuala Nerus, Datuk Basir Ismail, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, Ketua Polis Terengganu, Datuk Rosli Ab Rahman.

jejas,” katanya.

Dalam perkembangan sama, kerajaan negeri juga turut meluluskan peruntukan segera sebanyak RM1 juta untuk melakukan kerja-kerja pencegahan hakisan sementara melibatkan pantai Tanjung Gelam.

Katanya, langkah perlindungan sementara yang dibuat itu adalah untuk mengurangkan kesan hakisan ombak daripada terus melanda kawasan penempatan penduduk.

“JPS sedang giat melakukan kerja-kerja mengikat batu di kawasan pesisir pantai sebagai penyelesaian sementara bagi mengelak hakisan menjadi lebih teruk, sementara mencari jalan penyelesaian jangka panjang nanti,” katanya.

Katanya lagi, kejadian ombak besar dan angin kencang yang boleh disifatkan luar biasa itu hingga mengakibatkan kemusnahan teruk pada kediaman penduduk di pesisir pan-

tai perlu mengambil masa untuk melaksanakan kajian untuk penyelesaian jangka panjang.

“Kerajaan negeri sememangnya memandang serius masalah melibatkan hakisan pantai ini kerana kita sedar ramai pihak yang turut terjejas terutamanya nelayan yang bergantung sepenuhnya pada hasil laut,” katanya.

Jelasnya lagi, selain Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Tengah, Mengabang Telipot, dua daerah lain yang turut dikenal pasti mengalami masalah hakisan teruk akibat fenomena air pasang besar yang bermula Isnin lalu adalah di Setiu Wetland, Setiu dan Paka, Dungun.

Anggota keselamatan bersiap siaga

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kuala Terengganu/Kuala Nerus, Leftenan Muda (PA) Ahmad Kamal Hakim berkata, meskipun keadaan ombak dan angin kembali reda, namun anggota diletakkan dalam keadaan bersiap sedia.

“Setakat petang ini (semalam), keadaan ombak dan angin telah kembali reda, tetapi kita tetap mengambil langkah persediaan awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

“Anggota juga turut diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk menghulurkan bantuan sekiranya fenomena air pasang besar melanda kembali kawasan Mengabang Telipot,” katanya.

Katanya lagi, penduduk yang tinggal di kawasan berisiko berlaku hakisan juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan peka dengan arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa.



Ahmad Kamal (dua, kanan) bersama wakil Majlis Keselamatan Negara dan Basir (tiga, kanan) membuat tinjauan di Pantai Tanjung Gelam.



Ahmad Razif (dua, kanan) menyampaikan bantuan kepada salah seorang mangsa hakisan pantai di Tanjung Gelam.



Ahmad Razif ketika turun padang membuat tinjauan hakisan di Pantai Tanjung Gelam.